

NO. SOALAN: 225

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah jawatan, sumbangan, peranan dan fungsi yang dipikul oleh Yang Amat Berbahagia Dato Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri di mana-mana agensi, jabatan atau badan-badan Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

YABhg. Datin Seri Rosmah Mansor tidak memegang sebarang jawatan di dalam Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (226)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah bilangan rumah mampu milik yang dibina mengikut senarai negeri-negeri sehingga tarikh terkini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Rumah Kos Rendah (Semenanjung Malaysia sahaja) yang telah dibina bermula tahun 2008 hingga Mei 2015 adalah sebanyak 32,957 unit.

Manakala jumlah bagi Rumah Kos Sederhana Rendah (Semenanjung Malaysia sahaja) yang telah dibina bermula tahun 2008 hingga Mei 2015 adalah sebanyak 56,748 unit.

Jumlah bagi Rumah Mampu Milik (RM100,001 – RM300,000 (Semenanjung Malaysia sahaja) yang telah dibina bermula tahun 2008 hingga Mei 2015 adalah sebanyak 366,139 unit.

Manakala jumlah bagi rumah dalam lingkungan harga RM300,001 ke RM500,000 (Semenanjung Malaysia sahaja) yang telah dibina bermula tahun 2008 hingga Mei 2015 adalah sebanyak 257,706 unit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015